

EDISI 2023

# Buletin FKA

Pengajian Kejuruteraan Awam

Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

eISSN 2716-6325



9 772716 632004

Diterbitkan pada 15 Oktober 2024

“

Pada 13 September 2023, terdapat satu program “Knowledge Transfer Program on Bitumen Quality Quantification” antara Pengajian Kejuruteraan Awam (PKA) dan pihak industri THB Maintenance Sdn. Bhd. (THBM). Program latihan ini dijalankan sebagai salah satu bengkel berterusan untuk peningkatan kemahiran kepada kakitangan THBM dalam pengendalian alat-alat ujikaji yang berkaitan dengan ujian kualiti ke atas bitumen. Program ini dilihat sebagai satu aktiviti yang sangat bermanfaat dalam membantu meningkatkan kefahaman kakitangan THBM terutamanya semasa berdepan dengan situasi sebenar di tapak. Latihan ini dapat memberi gambaran kepada kakitangan THBM tentang kepentingan ujikaji kualiti bitumen di makmal sebelum ianya dapat diaplikasi di lapangan.

## “Knowledge Transfer Program on Bitumen Quality Quantification” Bersama Staf THB Maintenance Sdn. Bhd.

*Ir. Ts. Noraziyah Abd Aziz, Juliana Idrus dan  
Dr. Anas Ibrahim*

Oleh kerana THBM terlibat secara menyeluruh dengan kerja-kerja penurapan dan membaikpulih jalan raya, maka latihan ini dilihat sangat signifikan untuk dijalankan bagi meningkatkan kemahiran dan kefahaman kakitangan dalam pengendalian alat ujian berkaitan kualiti ke atas bitumen. Program ini juga adalah salah satu aktiviti hasil memorandum persefahaman (MoU) yang telah ditandatangani sebelum ini. Program ini dapat meningkatkan kemahiran dan kefahaman penolong jurutera dan pensyarah, seterusnya menggalakkan komunikasi dua hala antara kakitangan THBM dan PKA UiTMPP dalam pertukaran pendapat dan pandangan berkenaan kerja di lapangan serta teori dan praktikal di makmal.



**Gambar 1: Ucapan aluan daripada KPP PKA, Dr Juhaizad Ahmad.**



**Gambar 2: Sharing Session bersama Dr. Anas Ibrahim.**



Program dimulakan dengan pendaftaran peserta dan sarapan pada pukul 8.30 pagi dan seterusnya kata-kata aluan telah disampaikan oleh Ketua Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam, Dr Juhaizad kepada semua peserta dan penceramah program. *Sharing Session* telah dimulakan oleh penceramah pertama, Dr Anas Ibrahim berkaitan *Introduction to Bitumen Quality Quantification test*. Seterusnya *sharing session* diteruskan bersama Cik Juliana Idrus dan Ir. Ts. Noraziyah Abd Aziz berkenaan teori ujian bitumen. Selesai sesi perpindahan ilmu (*knowledge transfer*) secara teori oleh para penceramah, semua peserta telah dibahagikan mengikut kumpulan untuk sesi praktikal pula. Setiap kumpulan mengandungi 5 hingga 6 orang ahli untuk sesi praktikal ini.



**Gambar 3: Sesi praktikal untuk Bitumen Penetration Test.**



**Gambar 4: Sesi praktikal untuk Ball and Ring Test.**

Usai sesi praktikal secara berkumpulan, peserta perlu berkongsi dapatan (*findings*) pada akhir sesi program. Di sini telah berlangsung proses perbincangan antara pihak akademik dan industri yang memberi input positif kepada kedua belah pihak. Program ini juga secara tidak langsung turut memberi motivasi kepada pihak akademik untuk berkongsi ilmu dengan lebih yakin kepada pihak industri. Penganjuran program ini diharap dapat meningkatkan pembangunan dan kompetensi modal insan di samping memperkasakan kecemerlangan intelek di kalangan staf THBM Sdn. Bhd. dan PKA UiTM Cawangan Pulau Pinang.



**Gambar 5: Pembentangan dan perbincangan keputusan ujian makmal yang dijalankan.**



**Gambar 6: Wakil daripada PKA UiTMPP dan THBM Sdn. Bhd. yang menyertai program ini.**